

**CIRI BAHASA MANUSIA**  
**HOCKETT(1960) DAN COOK (2003)**  
**SERTA**  
**JENIS BAHASA BUKAN VERBAL DEVITO (2013)**  
**DALAM**  
**SIDANG MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**DI**  
**RTM 1**  
**(28 APRIL 2020)**

MOHAMAD NUR IRFAN BIN MAT NOOR

142591

nurirfan981010@gmail.com

012-9909301

## KERANGKA LATIHAN TUTORIAL 1

### **1. PENDAHULUAN**

### **2. CIRI BAHASA MANUSIA HOCKETT (1960)**

#### a. Produktiviti

- i. contoh – melandaikan (minit 43:46)

#### b. Penghantaran Siaran Dan Penerimaan Berarah

- i. contoh – Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah menjawab suara yang terarah padanya iaitu “kalau dibandingkan dengan negara lain, kita ada perbincangan dengan team China” (minit 35:34 – 35:45).

### **3. CIRI BAHASA MANUSIA COOK (2003)**

#### a. Ambilan giliran

- i. contoh - Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah mendengar pertanyaan yang diajukan kepada beliau dan menunggu giliran beliau untuk membahasnya (minit 44:10)

#### b. Penggunaan spontan

- i. contoh - Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah menjawab pertanyaan yang diajukan kepada beliau secara spontan dengan ungkapan “Baik, terima kasih jadi kita lihat dipasar borong itu” (minit 44:50)

### **4. JENIS BAHASA BUKAN VERBAL DEVITO (2012)**

#### a. Kinesik

- i. Contoh - Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah menunjukkan ekspresi muka seperti gembira, ketawa dan senyum dengan ungkapan “ nie tak habis lagi menjawab soalan dengan jawapan nie” (minit 34:04).

#### b. Parabahasa

- i. Contoh – Semasa Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah ingin membuka slot pertanyaan soalan kepada penonton, kedengaran perubahan nada lantunan suara beliau pada ungkapan “dan saya buka kepada soalan, silakan” (minit 31:10)

### **5. PENUTUP**

Sepanjang tempoh persidangan media perkembangan COVID-19 bersama Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah yang disiarkan secara langsung di <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/videos/351549455804171/?v=351549455804171> dapat saya menjelaskan dan menganalisis tentang beberapa ciri bahasa manusia yang berlandaskan penulisan daripada Charles F. Hockett (1960) dan Guy Cook (2003) melalui video pautan Facebook tersebut.

Ciri-ciri bahasa manusia Charles F. Hockett (1960) yang dikenal pasti dalam video tersebut ialah “**produktiviti**” dimana penggunaan unsur bunyi, kata, dan rumus yang terhad untuk menghasilkan sejumlah ungkapan baru yang tidak pernah digunakan tetapi boleh difahami oleh orang lain kerana ungkapan ini ada makna barunya yang tersendiri dan **ciri Hocket** seterusnya ialah “**penghantaran siaran dan penerimaan berarah**” yang menerangkan penutur memilih suara yang terarah kepada sahaja. Seterusnya adalah **ciri-ciri bahasa manusia Guy Cook (2003)** yang dikenal pasti pula ialah “**ambilan giliran**” iaitu memahami giliran mengikut giliran masing-masing dan “**penggunaan spontan**” iaitu manusia berbicara menggunakan bahasa tanpa perlu disuruh-suruh.

Selain itu saya juga akan mengenal pasti beberapa jenis bahasa bukan verbal berlandaskan usulan Devito (2013) dalam video tersebut. Antaranya ialah “**kinesik**” dimana berlaku ekspresi muka dan juga “**parabahasa**” iaitu berlaku perubahan lantunan nada suara yang tinggi kepada rendah yang disampaikan semasa sidang media tersebut.

Lantaran itu, bagi **ciri “produktiviti” Hockett (1960)**, Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah bercakap di dalam video tersebut dengan penggunaan kata yang lebih merujuk kepada keupayaan manusia untuk menghasilkan makna baru. Ciri produktiviti yang dituturkan oleh beliau ini dapat didengari oleh penonton video ini. Antara ungkapan beliau adalah “kita berjaya mengurangkan atau **melandaikan** lengkok graf kita” pada (minit : 43:43-43:48). Perkataan “**melandaikan**” tidak ditemui dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Tetapi perkataan ini boleh ditemui melalui enjin carian Google, namun Pusat Rujukan Persuratan Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017) ada menyenaraikan beberapa entri untuk perkataan “**landai**” sahaja. Maka, besar kemungkinan afiks “me-” dan “-kan” telah diberikan kepada “**landai**” untuk membentuk perkataan “**dilandaikan**” seperti yang diucapkan oleh Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah dalam sidang media beliau.

Ciri bahasa manusia Charles F. Hockett seterusnya adalah “**penghantaran siaran dan penerimaan berarah**”. Ciri ini menjelaskan bahasa tuturan yang disuarakan daripada mulut penutur kepada semua arah, namun begitu penerimaan bahasa ini terbatas daripada kearahan suara. Penutur hanya memilih suara yang betul-betul terarah kepadaan bukan yang terarah kepada titik sasaran lain. Sebagai contoh, **Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah menjawab suara yang terarah padanya iaitu “kalau dibandingkan dengan negara lain, kita ada perbincangan dengan team China”** (minit 35:34 – 35:45).. Maka dapat dilihat “**penghantaran siaran dan penerimaan berarah**” dikesan dalam sidang media ini.

Selain itu, **ciri “ambilan giliran” Cook (2003)** ialah satu peristiwa perbualan dimana kita memahami dan tahu untuk mengikut giliran masing-masing semasa bercakap atau berucap. Ciri ini jelas dapat dilihat semasa Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah menunggu giliran beliau untuk menjawab soalan yang diajukan kepada beliau. **Sebagai**

contoh pada (minit 44:10) Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah mendengar pertanyaan yang diajukan kepada beliau dan menunggu giliran beliau untuk membahasnya. Jelaslah bahawa “ambilan giliran” dapat dianalisis melalui sidang media tersebut.

Ciri “penggunaan spontan” Cook (2003) pula ialah manusia berbicara secara serta merta tanpa perlu disuruh-suruh, dipujuk-pujuk dan dipaksa-paksa. Melalui sidang media tersebut jelas menunjukkan ciri “penggunaan spontan” ini iaitu apabila Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah menjawab pertanyaan yang diajukan kepada beliau secara spontan dengan ungkapan “Baik, terima kasih jadi kita lihat dipasar borong itu” (44:50). Maka dapat dilihat “penggunaan spontan” dikesan dalam pautan Facebook video sidang media tersebut.

Antara jenis bahasa bukan verbal berlandaskan usulan Devito (2013) yang dapat dilihat dan didengar oleh penonton ialah “kinesik”. Semasa Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah berucap jelas menunjukkan ekspresi muka yang menggabungkan pergerakan mata, hidung,pipi, dahi dan mula beliau. Sebagai contoh Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah menunjukkan ekspresi muka seperti gembira, ketawa dan senyum dengan ungkapan “ nie tak habis lagi menjawab soalan dengan jawapan nie” (minit 34:04). Jelaslah bahawa jenis bahasa bukan verbal “kinesik” dapat diperhatikan semasa Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah berucap.

Selain itu, “parabahasa” juga merupakan jenis bahasa bukan verbal yang dapat dilihat oleh penonton. “Parabahasa” merupakan perubahan atau perbezaan nilai kadar suara, kelangsingan suara, kelantangan suara, tekanan suara, kecepatan suara dan bentuk pengisian dimana kita dapat merasa perubahan bahasa yang rendah, sederhana dan tinggi. Sebagai contoh semasa Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah ingin membuka slot pertanyaan soalan kepada penonton, kedengaran perubahan nada lantunan suara beliau pada ungkapan “dan saya buka kepada soalan, silakan”(minit 31:10). Jadi dapat disimpulkan bahawa “parabahasa” dapat dikesan dalam sidang media Kementerian Kesihatan Malaysia ini.

Secara kesimpulannya, saya menemui beberapa perkara berikut dalam persidangan media perkembangan COVID-19 bersama Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah iaitu dua ciri bahasa manusia Hockett (1960) iaitu produktiviti dan “penghantaran siaran dan penerimaan berarah”. Seterusnya, saya juga dapat menemui dua ciri bahasa manusia Cook (2003) iaitu “ambilan giliran” dan “penggunaan spontan”. Akhir sekali, dapat saya kemukakan dua jenis bahasa bukan verbal Devito (2013) iaitu jenis yang pertama adalah “kinesik” dan jenis yang kedua ialah “parabahasa”. Maka disini dapat saya simpulkan bahawa dalam persidangan media perkembangan COVID-19 bersama Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah mempunyai ciri-ciri bahasa manusia Hockett(1960) Dan Cook (2003) serta jenis-jenis bahasa bukan verbal berlandaskan usulan Deviti (2013).

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Arba'ie Sujud, Che Ibrahim Salleh Dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, (2007). Bahasa Verbal Dan Non-Verbal Sebagai Cerminan Masyarakat Dalam Novelnovel Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 18, Malaysia.
- Afiqah Salahudin dan Khairunnisa Abdul Karim, (2014). *Language Of Human Is Unique*. University of Malaya (Universiti Malaya).
- Badan Pengembangan Bahasa dan Perbukuan, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia. (2016). KBBI Daring. <https://kbbi.kemdikbud.go.id/>
- Dewan Bahasa dan Pustaka, (2017). Pusat Rujukan Persuratan Melayu. <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Finegan, Edward. (2004). *Language: Its Structure and Use* (4th. edition). Thomson Wadsworth.
- Fromkin, Victoria, Rodman, Robert & Hyams, Nina. (2003). *An Introduction to Language* (7th. edition). Heinle-Thomson.

## RUBRIK LATIHAN TUTORIAL HOCKET, COOK, DEVITO

	Kriteria penilaian	pemberat	N.A 0	Lemah 1	Sederhana 2	Baik 3	Cemerlang 4	Markah (PELAJAR)	Markah (PENGAJAR)
1	<b>Pengenalan</b>	1	Pengenalan tidak diberikan.	Pengenalan yang sangat umum atau tidak menjurus kepada tujuan latihan tutorial.	Pengenalan yang ringkas dan kurang menjurus kepada tujuan latihan tutorial.	Pengenalan yang baik dan menepati tujuan latihan tutorial berserta dengan huraiyan.	Pengenalan yang menepati tujuan latihan tutorial berserta huraiyan lengkap dan baik.	4/4	/4
2	<b>Membincangkan DUAciri bahasa manusia berlandaskan Hockett (1960) yang dikenal pasti wujud dalam sidang media KP KKM di RTM1 yang disiarkan pada 28 April 2020.</b>  [Pastikan tidak mengulang ciri yang seakan-akan Cook (2003) yang menggunakan istilah yang berbeza.]	4	Tiada perbincangan dinyatakan.	Membincangkan perkara berkaitan terlalu umum atau kurang tepat.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan, tetapi terlalu umum atau kurang tepat.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]	Membincangkan perkara berkaitan dengan penghuraian yang minima.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan secara minima.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]	Membincangkan perkara berkaitan dengan penjelasan yang baik.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan dengan baik.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]	Membincangkan perkara berkaitan dengan tepat serta penghuraian yang lengkap dan sempurna.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan dengan sempurna.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]	12/16	/16
3	<b>Membincangkan DUAciri bahasa manusia berlandaskan Cook (2003)</b>	4	Tiada perbincangan dinyatakan.	Membincangkan perkara berkaitan terlalu	Membincangkan perkara berkaitan dengan penghuraian yang	6	Membincangkan perkara berkaitan		

	<p>yang dikenal pasti wujud dalam sidang media KP KKM di RTM1 yang disiarkan pada 28 April 2020.</p> <p>[Pastikan tidak mengulang ciri yang seakan-akan Hockett (1960) yang menggunakan istilah yang berbeza.]</p>		<p>umum atau kurang tepat.</p> <p>1 contoh turut disediakan dan dihuraikan, tetapi terlalu umum atau kurang tepat.</p> <p>[Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]</p>	<p>minima.</p> <p>1 contoh turut disediakan dan dihuraikan secara minima.</p> <p>[Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]</p>	<p>yang baik.</p> <p>1 contoh turut disediakan dan dihuraikan dengan baik.</p> <p>[Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]</p>	<p>dengan tepat serta penghuraian yang lengkap dan sempurna.</p> <p>1 contoh turut disediakan dan dihuraikan dengan sempurna.</p> <p>[Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]</p>	12/16	/16	
4	<p>Membincangkan DUA jenis bahasa bukan verbal berlandaskan Devito (2013) yang dikenal pasti wujud dalam sidang media KP KKM di RTM1 yang disiarkan pada 28 April 2020.</p>	4	<p>Tiada perbincangan dinyatakan.</p>	<p>Membincangkan perkara berkaitan terlalu umum atau kurang tepat.</p> <p>1 contoh turut disediakan dan dihuraikan, tetapi terlalu umum atau kurang tepat.</p> <p>[Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan</p>	<p>Membincangkan perkara berkaitan dengan penghuraian yang minima.</p> <p>1 contoh turut disediakan dan dihuraikan secara minima.</p> <p>[Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]</p>	<p>Membincangkan perkara berkaitan dengan penjelasan yang baik.</p> <p>1 contoh turut disediakan dan dihuraikan dengan baik.</p> <p>[Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]</p>	<p>Membincangkan perkara berkaitan dengan tepat serta penghuraian yang lengkap dan sempurna.</p> <p>1 contoh turut disediakan dan dihuraikan dengan sempurna.</p> <p>[Contoh yang</p>	12/16	/16

				sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]			disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]		
5	<b>Kesimpulan</b>	1	Tiada kesimpulan diberikan.	Gagasan kesimpulan yang lemah dan penjelasan tidak relevan dengan penerangan bahagian isi.	Gagasan kesimpulan yang ringkas dan penjelasan tidak relevan dengan penerangan bahagian isi.	Gagasan kesimpulan menyeluruh dan penjelasan relevan dengan penerangan bahagian isi, tetapi tidak menjelaskan sebarang penambahan idea.	Gagasan kesimpulan yang menyeluruh dan penjelasan relevan dengan penerangan bahagian isi serta menjelaskan penambahan idea.	3/4	/4
6	<b>Format</b> <b>(Muka hadapan, Isi kandungan, kerangka, penomboran halaman, format rujukan APA , nama fail, gantian, padaman arahan dll.)</b>	2	5 atau lebih kesalahan	4 kesalahan	3 kesalahan	2 kesalahan	1 kesalahan atau tiada kesalahan	8/8	/8
7	<b>Tatabahasa (termasuk penggunaan tanda bacaan dan ejaan) RUJUK NAHU PRESKRIPTIF DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA.</b>	5	5 atau lebih kesalahan	4 kesalahan	3 kesalahan	2 kesalahan	1 kesalahan atau tiada kesalahan	10/20	/20

	JUMLAH	20		61/84	/84
--	--------	----	--	-------	-----

**Markah untuk 5% =  $[(W * 84)/100 * 5]/100$**

**MEMPLAGIAT DAN MENIRU AKAN MENYEBABKAN ANDA MENDAPAT “KOSONG”**